

SHUANG HOR



.....
Ganoderma

Menyelaras Keimunan

Membina Tubuh Badan

yang Sihat

- www.shuanghor.com.my
service@shuanghor.com.my
- www.shuanghor.com.sg
service@shuanghor.com.sg

CONTENTS

JAN-MAR 2021 No. 1

SHUANG HOR - Majalah suku tahunan istimewa yang diterbitkan khas untuk pengedar Shuang Hor. Majalah Shuang Hor diterbitkan untuk kegunaan Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. sahaja. Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mengulang mana-mana bahagian majalah ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Shuang Hor.

Diterbit Oleh: Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.
(Co. No. 184951-D) (A.J.L 93423)
No. 54, Jalan Tago 2, Taman Perindustrian Tago,
Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +60-3-62758818 Fax: +60-3-62766822



Ganoderma Setara Sasaran
Yung Kien I Ganoderma Powder

1 **Ucapan Tahun Baru:**
Pegarah Eksekutif Kumpulan Shuang Hor
Ku Cheng Chun

2 Regional Pengurus Besar Shuang Hor
Foo Kok Wah

3 **Sistem dan Anda:**
Pencerahan tentang
"Mudah" Menjayakan Kehebatan

6 Virus Datang Menyerang,
Sambutan Perayaan Norma Baharu,
Membina Badan Kuat Tahan Serangan

8 Jia Hor Fibre

9 Yung Kien I Ganoderma Powder

14 **Tokoh Kejayaan:**
Ogos, September & Oktober 2020

22 Notis Penempahan Stok



Memahami Probiotik, dan Prebiotik



10 Produk Pembersihan Diri Vcare



12 Sorotan Majlis Perhimpunan Maya Pengedar
dan Anugerah Diamond Shuang Hor Tahun 2020

Pindaan Tarikh Seminar Kepimpinan Vice Manager Baharu Ke-110

Tarikh: 13-14/3/2021 (Sabtu & Ahad)
Tempat: One World Hotel, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: +603-7681-1111 / 7712-222

Disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Malaysia, Seminar Kepimpinan Vice Manager Baharu Ke-110 yang dijadualkan pada 5 dan 6 Disember 2020 adalah dipinda kepada tarikh dan tempat seperti di atas.

Sejumlah Penceramah Diamond yang berjaya dan System Department HOD akan berkongsi pengalaman serta menyampaikan ilmu kejayaan mereka supaya para Vice Manager Baharu dapat lebih memahami perniagaan Shuang Hor dan seterusnya dapat mencapai status yang berikutnya dengan lebih cepat sehingga mencapai matlamat Diamond.

Penceramah:



System
Department HOD
Jeff Yee Wai Tat

Kelebihan Perniagaan
Shuang Hor

Double Diamond
Norliza Bt Hussain



Jalan Menuju Kejayaan



Penceramah Motivasi



Diamond
Ng Cheng Siang

Sistem Dan Anda

Gold Diamond
Phoon Khee Onn



Langkah dan Strategi
111 Cafe Business Plan

Pasangan Triple Diamond
Hashlina Binti Rusdi &
Harunarrashid Ishak

Nilai Abadi Shuang Hor Dalam Era Pandemi

Tahun 2020 sudah berlalu, kini tahun 2021 sudah tiba. Tahun telah berubah, namun di manakah nilai dan makna kita?

Tahun 2020 ialah satu tahun yang amat sukar bagi umat manusia, pandemik melanda seluruh dunia, ekonomi merosot, politik bergelora ... Singapura dan Malaysia juga tidak berkecuali, kehidupan rakyat, perdagangan ekonomi, pengangkutan dan logistik ... boleh dikatakan semua industri terjejas teruk dan semua ini menjadi pengalaman yang paling perit dialami rakyat jelata sepanjang tahun.

Bagi orang Cina, tahun 2020 ialah tahun Gengzi dalam kalendar Cina (mengikut kitaran 60 tahun sekali) dan ia merupakan tahun yang banyak berlaku bencana dan kesusahan mengikut pengamatan dan ramalan nenek moyang orang Cina sejak beribu-ribu tahun lamanya; nampaknya ramalan mereka agak tepat juga pada suatu tahap. Selepas melalui tahun Gengzi yang banyak bencana dan kesusahan ini, adakah tahun 2021 akan merupakan tahun yang aman dan sentosa? Kalau dilihat pada keadaan pandemik sekarang, ia mungkin tidak begitu optimistik, pandemik korona virus yang menjadi punca bencana masih belum reda lagi dan ia berkemungkinan mengamuk lagi.

Dalam era yang serba tidak menentu ini, individu yang hidup dalam persekitaran besar walaupun hanya mempunyai kuasa yang kecil dan tidak mampu melawan, apakah kita harus menyerah kalah begitu sahaja? Tentulah tidak! Semasa saya kecil dahulu, saya suka menonton wayang boneka tangan (wayang telapak tangan), dalam pertunjukan itu protagonisnya ada menyebut sepotong ayat emas yang amat kuat impaknya, ayat ini berbunyi: "peristiwa di dunia ibarat catur, sukar diduga, ketawa semua wira". Maksudnya ialah peristiwa di dunia banyak mengalami perubahan seperti permainan catur, susah diramal, perubahannya berbagai-bagai, tetapi bagi seorang wira, dia hanya akan menghadapi semua ini dengan senyuman sahaja. Begitu santai dan bersahaja, begitu berani sikapnya menghadapi kehidupan ini!


Benar, dalam iklim ekonomi yang mendung memeritkan, kita dapat melihat wira industri yang berdaya saing, tidak gentar menghadapi cabaran untuk terus berjuang, mereka berjaya mencipta kejayaan yang cemerlang dalam perniagaan, mereka ini patut diberi sorakan kepujian, disanjung dengan tepukan gemuruh. Oleh yang demikian, pada saat ini, saya dengan bangganya ingin memaklumkan anda sekalian bahawa Shuang Hor ialah salah satu wira industri itu — pada tahun 2020 ketika pandemik berada di puncak amukan dan negara sering mengisytiharkan PKP dan sebagainya, para rakan pengedar menghadapi kesukaran untuk bergerak, tidak dapat berkumpul beramai-ramai, tetapi hasil jualan kita masih mampu meningkat dengan dua angka, bilangan ahli rangkaian kita tetap meningkat dengan begitu banyak. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan berikan tepukan yang paling gemuruh kepada para rakan pengedar di Malaysia dan Singapura, anda semua adalah WIRA!

Dalam suasana ekonomi dunia yang paling gelap, ketinggian nilai perniagaan Shuang Hor semakin menyerlah, bersinar. Produk Shuang Hor, terutamanya Lingzhi, sentiasa memainkan peranan hakikinya untuk melindungi kesihatan para rakan pengedar, ketika orang ramai sedang panik menghadapi serangan pandemik yang dahsyat, lingzhi Shuang Hor memastikan keselamatan kita, ketika orang ramai buntu memikirkan sumber pendapatan untuk menyara keluarga kerana tidak boleh keluar rumah untuk menjalankan aktiviti ekonomi, para rakan kita hanya perlu mengaplikasikan Pelan Pemasaran kopi 111 yang mudah dan senang dipelajari, menggunakan kemudahan telefon, platform Internet dan media sosial, dengan mudah dan pantas menyebarkan maklumat, gambar dan sebagainya secara berkesan untuk menyebarluaskan perniagaan, terus mengekalkan impian mencapai kebahagiaan.

Oleh itu, tidak kira tahun apa pun yang datang dan pergi — dari tahun 2020 hingga tahun 2021, tidak kira bagaimanapun rupa keadaan pandemik, perniagaan Shuang Hor tetap dapat memenuhi keperluan manusia untuk mengekalkan nilai kesihatan dan kekayaan mereka, ia sesungguhnya satu hakikat yang kekal abadi!

Ini juga adalah harapan dan doa saya yang abadi demi kebahagiaan anda semua!!!

Pengarah Eksekutif Kumpulan Shuang Hor



Ku Cheng Chun





Para rakan penganjur yang dihormati sekalian,

Langkah waktu tidak pernah berhenti melangkah, roda zaman pun tidak pernah berhenti bergolek ke hadapan; dalam sekelip mata tahun 2020 yang luar biasa telah berlalu pergi. Kini waktu sedang menghantar tahun 2021 yang serba baharu ke hadapan kita. Pada saat mengucapkan selamat tinggal kepada yang lama dan menyambut kedatangan yang baharu, saya mewakili seluruh kakitangan di syarikat Shuang Hor memberikan salam dan ucapan terima kasih yang setulus ikhlasnya kepada para rakan penganjur atas usaha gigih anda selama ini.

Imbas kembali tahun 2020, ekonomi di seluruh dunia mengalami pukulan teruk akibat serangan pandemik Korona virus yang melanda secara tiba-tiba; mujurlah syarikat Shuang Hor mendapat sokongan dan kepercayaan para rakan penganjur yang sanggup bersatu hati berganding bahu, sama-sama mengumpulkan kekuatan hebat untuk mengatasi kesukaran ini, seterusnya berjaya mengubahnya menjadi prestasi yang gilang-gemilang!

Walaupun aktiviti-aktiviti Syarikat menghadapi halangan dalam tempoh pandemik, namun kami mengaplikasikan falsafah pepatah "miskin mencari perubahan, perubahan menunjukkan jalan, jalan membawa kekal" (maksudnya apabila manusia menghadapi kebuntuan, mereka akan membuat perubahan untuk mencari jalan keluar, apabila berjaya keluar daripada kebuntuan, mereka akan kekal lama). Kami telah mengubah halangan kepada daya gerakan, membawa banyak pengalaman serba baharu kepada para rakan penganjur seperti perkhidmatan Pandu Lalu, OPP Dalam Talian, Majlis Perhimpunan Maya Penganjur dan Anugerah Diamond dan sebagainya.

Meskipun pandemik membuatkan orang ramai berasa ragu-ragu dan tidak tenteram, saya berasa sangat terhutang budi kepada rakan penganjur sekalian yang terus mara ke hadapan tanpa terganggu oleh masalah, tidak menyerah kalah akibat tekanan; terus menyumbang, bekerja keras, setelah tabah bertahan, akhirnya kita menyambut cahaya kegemilangan.

Tahun 2021, syarikat Shuang Hor akan menekankan pembaharuan dan menggalakkan peningkatan sistem laman web Shuang Hor supaya membawakan sebuah laman web serba baharu yang telah disejajarkan dan dioptimumkan kepada rakan penganjur Shuang Hor. Selain itu, pada tahun ini kami juga akan membuka penyertaan keahlian dalam talian dengan memanfaatkan kemudahan teknologi bagi menyediakan kaedah penyertaan yang lebih pantas kepada ahli. Perkembangan teknologi adalah amat pesat, kita harus mengikut perkembangan dan menyesuaikan diri dengan zaman, asalkan kita dapat menguasai peluang perubahan strategik ini, kita pasti dapat meningkatkan kemajuan Syarikat melalui teknologi ini.

Orang yang berjaya mencapai impian ialah mereka yang berusaha bersungguh-sungguh, tidak henti-henti mengejar. Pada tahun 2021 yang terisi peluang dan cabaran ini, saya percaya asalkan kita mempunyai kepercayaan teguh dan berani menghadapi cabaran, perjuangan kita pasti dipenuhi harapan, bakal meraih hasil lumayan!

Harapan saya agar pada tahun baharu ini kerjaya anda terus maju, anda terus mencipta kegemilangan!

Regional Pengurus Besar Shuang Hor

Foo Kok Wah

Pencerahan tentang “Mudah” Menjayakan Kehebatan



Pada 30 Ogos, awal-awal lagi saya sudah bertolak ke Kaohsiung untuk menyertai pelajaran terakhir sesi pagi dalam satu bengkel latihan jualan langsung. Ia merupakan ceramah Diamond Hsu Teng Feng; tajuk ceramahnya ialah “Pelan Pemasaran Kopi 111... Maju ke Hadapan”. Sejujurnya, saya berasa sedikit bimbang dengan ceramahnya tentang Pelan Pemasaran Kopi 111 kerana berdasarkan pemahaman saya terhadap keupayaannya pada masa yang lepas, beliau tidak begitu menonjol dalam bahagian ini. Tetapi pada sesi latihan kali ini, saya berasa terkejut! Saya berasa terkejut kerana prestasinya di luar jangkauan saya. Pelan Pemasaran Kopi 111 yang disampaikan mempunyai kekuatan yang begitu hebat, menggegarkan semua rakan pengedar, tentulah termasuk diri saya juga.

Dalam pelajaran ini, Hsu Teng Feng seperti seorang sami yang baru mendapat pencerahan (memahami secara tuntas tentang Pelan Pemasaran Kopi 111), beliau dapat menghuraikan inti pati Pelan Pemasaran Kopi 111 secara tepat kepada para rakan pengedar di dalam dewan, menyampaikannya secara persis. Beliau menggunakan bahasa yang mudah untuk menjelaskan konsep, memetik contoh-contoh yang praktikal untuk menggambarkan prinsip operasi yang dirumuskannya, ringkas lagi padat, hidup dan penuh bijaksana. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau atas perubahan cemerlang ini, beliau telah keluar dari lorong sempit gaya penjualan yang lepas dan kini menuju ke laluan luas yang diuruskan organisasi; malah saya mengucapkan terima kasih kepadanya kerana memberikan model pendidikan untuk para rakan kembali ke landasan yang betul secara hebat.

Ceramah Hsu Teng Feng kali ini patut diberi pujian dan disebar. Oleh yang demikian, saya akan membuat satu “Perjumpaan lepas Perjumpaan” dengan anda semua untuk menekankan isi penting, melalui huraian dan perkongsian peribadi Hsu Teng Feng, izinkan saya untuk menggali secara lebih mendalam tentang signifikan zaman Pelan Pemasaran Kopi 111. Saya telah merumuskannya kepada 2 tajuk perbincangan: yang pertama ialah Peletakan Mitos; yang kedua ialah Kembali ke Landasan yang Betul.

“Peletakan Mitos – sebelum ini, setelah melalui suatu jangka masa yang lama, akibat kelemahan penaja yang mengorientasikan perniagaan jualan langsung kepada penjualan menyebabkan jualan langsung yang sepatutnya bergantung pada fungsi penajaan untuk menggandakan kekuatan jualan langsung semakin merosot, perkembangan rangkaian juga membeku, menua disebabkan tiada suntikan elemen baharu.

Setelah mengkaji kelemahan para rakan pengedar membuat penajaan, didapati faktor utamanya adalah kerana industri jualan langsung di Taiwan telah memasuki pasaran selama 40 tahun, ekosistem pasarannya telah mengalami perubahan yang amat besar. Pada masa yang lalu, untuk menarik orang menyertai jualan langsung, kita boleh sahaja bercerita dengan panjang lebar betapa hebatnya produk keluaran kita, betapa menariknya sistem ganjaran kita; namun model operasi sedemikian sudah tidak mampu memenuhi trend pasaran kini yang mengutamakan kepantasan dan pergerakan pantas, sistem pembungkusan juga perlu mewah, impresif dan sebagainya.

Cara untuk mengatasinya adalah dengan mencipta satu mekanisme pemasaran yang bijak, menggunakan rayuan ringkas, bernas namun berimpak untuk mengatasi keadaan semasa, memperkuat kelebihan bersaing pasaran. Untuk itu, maka wujudlah Pelan Pemasaran Kopi 111. Dilancarkan di pasaran Taiwan dan Malaysia pada awal tahun 2018, kini sudah berlangsung lebih dua tahun lamanya. Sejak pelaksanaannya, keberkesanannya amat ketara, selain perkembangan prestasi jualan, terutamanya kemasukan ahli-ahli baharu yang memperteguh organisasi sungguh membanggakan, memang tidak dapat disangkal bahawa pelan yang mudah tetapi penuh berimpak ini telah menjadi lokomotif berkuasa tinggi yang menggerakkan prospek baharu Shuang Hor.

Akan tetapi, kami juga terlihat ada satu titik buta yang besar, sejak dilaksanakan Pelan Pemasaran Kopi 111, kami melihat orang baharu (bukan profesional), pemimpin baharu muncul dengan pantas dan banyak dalam kalangan itu, kami juga nampak satu fenomena yang lain— rakan pengedar lama yang berpengalaman dan berkepakaran tinggi sepatutnya menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang tetapi tidak berlaku sedemikian. Yang kami nampak ialah mereka tidak dapat menerobos Pelan Pemasaran Kopi 111, seolah-olah dikurung dalam lingkungan sebuah dinding yang menghalang mereka keluar. Sesungguhnya, dinding yang membelenggu mereka ialah pemikiran inersia yang terbentuk sebelum ini, merumitkan perkara yang mudah, menambahkan kerumitan kepada Pelan Pemasaran Kopi 111 yang dianggap mereka sebagai dapat memperkaya keadaan. Ini merupakan dinding yang perlu dirobuhkan oleh para rakan pengedar lama, kerana di sebalik keruntuhan dinding ini ialah sebuah lebuhraya yang luas.


“Kembali ke Landasan yang Betul”—“Penyalinan Mudah ialah Cara Terbaik”, ini merupakan kebenaran abadi dalam industri jualan langsung. Jualan langsung bukan perniagaan individu, ia merupakan perjuangan berkumpulan, oleh yang demikian kita perlu melatih askar kita menjadi panglima supaya setiap orang mempunyai kemahiran untuk berjuang; untuk itu, kita memerlukan satu model pelaksanaan yang mudah dan senang dipelajari, jika sukar atau rumit, ia susah disalin. Hanya anda sahaja yang tahu, orang lain tidak pandai maka sukarlah untuk membentuk pasukan dan tentulah tidak upaya berjuang secara berkumpulan.

“Pelan Pemasaran Kopi 111” ialah sebuah formula yang memudahkan perkara yang rumit. Tekniknya begitu mudah hingga anda hanya perlu belajar melakukan satu perkara—“Parti Kopi Asas”— bancuh kopi, pandai sebut 3 ayat (Setiap bulan belanjakan NT\$400 untuk minum 1 kotak kopi di rumah, cari seorang kawan yang juga sanggup belanjakan NT\$400 untuk minum kopi di rumah, penyalinan begini akan membawa pendapatan lebih NT\$90 ribu setahun); ini merupakan satu teknik melatih pasukan yang amat mudah dan senang dipelajari tetapi berimpak tinggi, dan inilah punca utama bagaimana orang baharu begitu pantas muncul sebagai pemimpin.

“Penyalinan Mudah” menjadi titik buta rakan pengedar lama, jurang perbezaannya dengan orang baharu adalah kerana rakan pengedar lama memikul beban pemikiran lama yang berat sehingga sukar untuk melangkah. Sebaliknya, orang baharu hanya mempunyai satu perspektif, iaitu melangkah ke hadapan tanpa ragu-ragu. Prinsip ini nampaknya amat mudah, namun ia menjadi rumit seperti melalui sebuah pagar sesat, sama seperti Diamond Hsu Teng Feng, seorang pakar yang profesional juga telah tersesat selama lebih setahun. Walau bagaimanapun, kisahnya telah memberitahu kita bahawa dalam perjalanan Pelan Pemasaran Kopi 111 ini, pemikiran yang “Mudah” atau “Rumit” menentukan sama ada kejayaan itu dekat atau jauh.


Mungkin, anda yang sebelum hari ini masih berfikir: Kejayaan sepatutnya sebuah kisah yang rumit, bukankah begitu? Namun, anda juga harus faham bahawa anda sedang berdiri di atas bahu seorang gergasi; di atas Pelan Pemasaran Kopi 111 yang besar dan kukuh ini, kejayaan boleh menjadi perkara yang mudah. Maka itu, apa yang harus anda lakukan adalah: mengubah konsepsi pemikiran 0.1! dan anda akan memperoleh perbezaan jarak kejayaan seribu atau 10 ribu kali ganda.

Adakah anda percaya kepada prinsip ini? Walau bagaimanapun, sila log masuk ke e-Learning untuk mengikuti ceramah Diamond Hsu Teng Feng, mungkin anda sudah mendengarnya, tetapi dengarlah sekali lagi. Sama seperti Diamond Hsu Teng Feng yang telah mendengar ceramah saya tentang Pelan ini berulang-ulang kali, tetapi beliau mendengar sekali lagi, dan disebabkan sekali itu, pemikirannya telah membelok sedikit dan sampailah ke lebuhraya yang luas terbentang di hadapannya.





Ganoderma Setara Sasaran Yung Kien I Ganoderma Powder



Ganoderma setara sasaran seumpama sasaran memanah, dapat mengunci sasaran kemudian menembaknya dengan tepat; keberkesannya amat ketara kerana ia mempunyai mekanisme selektif yang dapat mengenal pasti masalah badan secara tepat kemudian menyelesaikannya dengan pantas dan berkesan. Semua ini ialah hasil teknologi penyelidikan dan pembangunan miselium ganoderma yang canggih, melalui penggunaan peralatan teknologi yang tinggi ketepatannya, serta usaha yang berterusan oleh para saintis dalam mencari dan mengenal pasti beberapa komponen berfungsi spesifik daripada beratus-ratusan jenis komponen bioaktif ganoderma, dan menggandakan kuantiti komponen berfungsi spesifik untuk menghasilkan produk yang berkepekatan tinggi dan tulen serta mencapai keberkesanan yang diinginkan. Ini meningkatkan lagi manfaat Ganoderma terhadap kesihatan tanpa batas!

- ✓ Teknologi kultur miselium yang telah dipatenkan
- ✓ Proses pengasingan dan penulenan beraras tinggi
- ✓ Komponen berfungsi sasaran yang berkepekatan tinggi dan tulen
- ✓ Pengesahan keberkesanan dari makmal GLP
- ✓ Endorsemen berpaten keberkesanan komponen yang eksklusif.

Ganoderma Setara Sasaran: Fungsi Utama Yung Kien I Ganoderma Powder

Mengandungi bahan kandungan Yung Kien Ganoderma yang mendapat Sijil Akreditasi Makanan Kesihatan di Taiwan, malah diperkaya dengan bahan bioaktif 1, 3; 1, 6- β glukon berkepekatan tinggi, bagi membantu:

Melaraskan Keimunan dan Melindungi Hati

- ✓ Sijil Akreditasi Makanan Kesihatan Taiwan menyokong dan mengiktiraf keberkesannya dalam pengawalan immuniti tubuh dan perlindungan hati.

Menentang Virus

- ✓ Dapat melindungi saluran penafasan daripada jangkitan virus, dan seterusnya mencegah percambahan dan pembiakan virus dalam sel-sel tubuh manusia, amat berkesan dalam anti virus.

Menentang Gula Darah Tinggi

- ✓ Melindungi sel-sel pankreas daripada kecederaan, mengekalkan kesempurnaan dan fungsi sel-sel pankreas.





Virus Datang Menyerang, Sambutan Perayaan Norma Baharu, Membina Badan Kuat Tahan Serangan

Kini sepatutnya masa untuk meraikan perayaan, tetapi disebabkan serangan pandemik di seluruh dunia menjadikan sambutan tahun baharu ini tidak sama seperti dahulu. Tatkala menyambut tahun baharu, pertemuan antara sahabat dan kunjung-mengunjungi ahli keluarga sepatutnya menjadi tradisi, namun serangan pandemik telah memusnahkan rancangan sambutan tahun baharu, merosakkan mood perayaan yang sepatutnya ceria dan penuh kegembiraan. Ketika vaksin belum dapat digunakan dengan yakin lagi, selain berusaha sedaya-upaya untuk mengawal pandemik ini daripada merebak, mengurangkan bilangan yang dijangkiti ke tahap yang paling rendah, kita juga harus melakukan langkah-langkah pencegahan. Walaupun setakat ini belum ada makanan yang benar-benar dapat mencegah dan merawat jangkitan virus, sistem imun yang baik adalah amat penting. Pemakanan seimbang bukan sahaja dapat membantu memperbaiki sistem imun malah berupaya mengurangkan kemungkinan timbulnya masalah kesihatan yang lain seperti obesiti, penyakit jantung, diabetes dan lain-lain.

Diet yang sihat ialah diet yang seimbang. Selain mengandungi karbohidrat dan protein, diet juga perlu mengandungi sejumlah serat makanan yang mencukupi. Serat makanan bukan sahaja dapat membantu penghadaman, ia juga merupakan sumber makanan probiotik atau bakteria baik, membantu memperkuat kumpulan bakteria baik, melindungi kesihatan saluran usus. Untuk memperkuat sistem imun, kita harus bermula dari usus! Saluran usus bukan sekadar organ penghadaman, kajian terkini mendapati ia mempunyai kaitan secara langsung dengan fungsi keimunan. Melalui makanan yang dimakan setiap hari, nutrien yang baik atau buruk, serta virus akan terserap ke dalam saluran usus. Oleh yang demikian, pasukan tentera keimunan kita bersiap siaga di dalam saluran usus, memainkan peranan menjaga keselamatan mukosa usus. Tahun kebelakangan ini, saluran usus juga digelar sebagai "Otak Kedua" manusia. Kesihatan saluran usus turut mengawal perasaan dan emosi manusia.



Memahami Probiotik dan Prebiotik



Untuk memperbaiki kesihatan saluran usus, kita boleh kerap makan probiotik untuk membantu melaraskan flora usus serta memperkuatkan daya keimunan, memperbaiki keadaan kurang selera makan, menggalakkan penyerapan nutrien di saluran usus. Shuang Hor Lacto-Berry mengandungi Bifidobakteria Laktis, Bifidobakteria Longum, Isomalt, serbuk kranberi, beri biru dan raspberi, merupakan sumber probiotik yang baik. Selain itu, Shuang Hor Lacto-Berry menggunakan teknologi canggih penyalutan berbilang lapisan yang menyamai suhu badan, keberkesannya terus dipertingkatkan lagi.

Serat makanan pula ialah karbohidrat yang sukar dihadamkan. Memandangkan serat makanan mempunyai sifat sukar dihadamkan, maka ia dapat menambahkan volum diet. Serat ini dapat menggalakkan peristalsis usus, memainkan fungsi penting mengekalkan kesihatan sistem penghadaman. Seseengah serat diet juga dapat melaraskan paras gula darah dan paras kolesterol. Di samping itu, serat diet juga boleh dijadikan prebiotik, iaitu makanan kepada probiotik (bakteria baik), sekali gus menggalakkan pertumbuhan bakteria baik di saluran usus, mengurangkan pembiakan bakteria tidak baik. Oleh yang demikian, prebiotik juga memainkan fungsi yang penting dalam menggalakkan kesihatan saluran usus.



Kandungan Utama: Fibre diet semula jadi dan Lingzhi.

- Serat dietari dapat menyingkir bahan bertoksin yang tinggal dalam badan, merangsang pergerakan usus dan melancarkan perkumuhan.
- Perisa lemon dengan preskripsi yang bersifat semula jadi, ia sesuai diminum tiap-tiap hari.

Jia Hor Fibre (Lemon Flavour)



MAL14055140T

KKLIU 1526/2019 Ini adalah iklan produk tradisional.



Yung Kien I Ganoderma Powder

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum.

Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan.

Ia adalah sejenis suplemen yang dapat mengekalkan kesihatan.



MAL 2009 6096 T

KKLIU 2937/2020

Ini adalah iklan produk tradisional.



Melindungi Kulit Bermula dengan Mandi

Mandi ialah tugas pembersihan harian yang perlu dilakukan setiap orang, melalui mandi kita bukan sahaja dapat membersihkan segala kotoran yang terkumpul di atas badan kita sepanjang hari, malah dapat melegakan perasaan dan emosi yang tertekan sepanjang hari. Sesungguhnya, cara mandi juga harus diteliti dengan baik kerana cara mandi yang tidak betul boleh mempengaruhi kesihatan seseorang!

Secara umumnya, kulit manusia dibahagikan kepada 4 jenis, iaitu jenis kering, jenis berminyak, jenis normal dan jenis sensitif. Kebanyakan orang mempunyai kulit yang normal maka menggunakan gel mandian berasid lemah untuk mandi harian sudah memadai.

Permukaan kulit normal mempunyai saput pelindung yang terdiri daripada lapisan kelenjar minyak, bahan rembesan kelenjar dan sel epitelium yang tertanggal serta juga stratum korneum, walaupun ketebalannya hanyalah 0.1mm, ia merupakan barisan pertama yang menyekat serangan kuman penyakit dan cahaya UV berbahaya terhadap badan manusia.

Jika anda menggosok badan berulang kali secara kuat dengan tuala ketika mandi, lapisan pengkeratinan epidermis akan tertanggal dengan banyaknya lalu mengakibatkan kulit tercedera dan menjadi kering, malah boleh berlaku simptom gatal kulit dan sebagainya. Jadi, demi menjaga kulit, usahlah terlampau membersihkan kulit.

Selain itu, jika menggunakan air bersuhu agak panas ketika mandi juga boleh menyebabkan kulit menjadi kering, mudah menjadi kemerah-merahan malah boleh berlaku simptom pengelupasan kulit. Oleh yang demikian, elakkanlah daripada menggunakan air yang terlalu panas untuk mandi.

Lambakan produk pembersihan harian di pasaran memang membuat orang rambang mata, tetapi turut tersembunyi bahaya pelbagai bahan kimia tidak baik di dalamnya. Bahan berbahaya ini jika terserap ke dalam badan, ia bukan sahaja sukar dimetabolismekan, malah setelah lama terkumpul di dalam badan akan memudaratkan kesihatan!

Keistimewaan Produk Pembersihan Diri Vcare:



Membersih secara lembut dan berkesan, tidak mengandungi sebarang bahan yang boleh merengsakan kulit

- Lembut, tidak merengsakan.
- Menggunakan ramuan berasaskan tumbuhan.



Selamat, tidak mengandungi bahan berbahaya

- Tiada sisa kimia.
- Berasid lemah, sangat hampir dengan nilai pH kulit.
- Lembut dan selamat terhadap kulit sensitif.
- Tidak berbahaya kepada alam sekitar, tidak menyebabkan pencemaran dan sebagainya.



Berkesan mengunci air dan menghidratkan kulit untuk jangka lama

- Mengekalkan keseimbangan air dan minyak kulit.
- Tidak mengandungi minyak mineral yang sukar diuraikan, tidak berbahaya kepada kulit, lebih selamat.
- Ditambah pula dengan ekstrak tumbuhan yang amat bernilai, memberikan lebih banyak faedah kepada kulit.







Sorotan Majlis Perhimpunan Maya Pengedar dan Anugerah Diamond Shuang Hor Tahun 2020



GO! GO! GO! DIAMOND! DIAMOND! DIAMOND!



Shuang Hor berusaha bersungguh-sungguh untuk menerobos semata-mata demi kejayaan! Pada tahun 2020 yang penuh cabaran, kami tidak gentar melangkah menghadapi serangan pandemik; sebaliknya telah menemui peluang mencipta kejayaan di tengah-tengah krisis, akhirnya kami berjaya membuka fasa baharu dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Maya Pengedar dan Anugerah Diamond Shuang Hor!~

Dengan penyertaan aktif daripada para pengedar, Majlis Perhimpunan Maya Pengedar dan Anugerah Diamond Shuang Hor Malaysia 2020 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 November 2020. Persidangan secara maya yang inovatif ini telah memecahkan tradisi mengadakan majlis di sesuatu premis secara konvensional, ia disiarkan secara langsung melalui platform media sosial di laman FACEBOOK Shuang Hor Energy Hub. Acara ini bukan sahaja telah menarik perhatian daripada pengedar Shuang Hor di seluruh dunia, malah sehingga awal bulan Disember 2020, video acara ini telah dilawati lebih 34 ribu kali! Terima kasih kepada para rakan pengedar Shuang Hor atas penyertaan aktif dalam persidangan maya yang julung kali diadakan, sekali gus membantu kami sama-sama mencipta kejayaan yang sungguh membanggakan ini!



Majlis maya yang berbeza dengan majlis konvensional yang lepas-lepas, membuka tirainya dengan tayangan sebuah filem bertajuk “Wira Sejati”, yang memberikan penghargaan kepada rakan pengedar Shuang Hor yang tidak gentar menghadapi kesukasan, bersandarkan kepercayaan teguh untuk terus mara ke hadapan. Persembahan majlis dengan kaedah baharu yang mengaplikasikan teknologi terkini membuatkan para penonton berasa seolah-olah berada di dalam majlis yang sebenar, pentas yang diperlihatkan dengan kesan khas yang sungguh tenang, cara baharu menampilkan tokoh dengan mempersilakan Pemimpin Sistem Encik Ku Cheng Chun dan Pengurus Besar Foo Kok Wah membuat perkongsian penuh motivasi, menyemarakkan semangat para pengedar supaya berani mengejar “Impian Awal” dan sebagainya, semua ini telah membawa pengalaman perasaan yang serba baharu kepada para rakan pengedar.



Majlis maya pada malam tersebut selain memberikan pengiktirafan kepada sebarisan Achiever, Vice Manager, Senior Vice Manager dan Special Vice Manager, kemuncaknya ialah pengiktirafan pemimpin Diamond yang paling bergemerlapan, iaitu 2 pasangan pemimpin Double Diamond dan 1 pasangan pemimpin Triple Diamond; mereka ialah pasangan Double Diamond Low Ah Lip & Lim Em Tee, Double Diamond Hashlina binti Rusdi dan Harunarrashid Ishak, pasangan Triple Diamond Solha binti Husin dan Mohd Nabil B Ab Rahman. Setelah dinobatkan, 3 pasangan pemimpin Diamond ini telah membuat perkongsian tentang kisah kejayaan mereka di Shuang Hor. Sesi video temu ramah yang direka khas sebagai tambahan turut menyaksikan mereka berkongsi tentang bagaimana kejayaan mereka di Shuang Hor telah mengubah kehidupan mereka; di samping itu, mereka turut memberikan kata-kata perangsang untuk memotivasikan para downline.

Majlis maya sulung ini melabuhkan tirainya dengan nyanyian lagu korporat Shuang Hor "Kita Menjadi Mulia Kerana Berimpian" yang diketuai oleh Pengurus Besar Shuang Hor Encik Foo Kok Wah bersama-sama 3 pasangan Diamond yang baharu dinobatkan. Impian ialah satu jenis hasrat, berfikir ialah satu bentuk tindakan; asal ada impian tersemat di hati, peluang pasti akan datang melingkungi anda!

Dalam irama lagu yang mendendangkan impian indah, kami menoktahkan majlis gilang-gemilang yang sungguh luar biasa ini!



Terlepas mengikuti Majlis maya tersebut? Tidak mengapa, anda boleh menyaksikan kegemilangan Majlis Perhimpunan Maya Pengedar dan Anugerah Diamond Shuang Hor 2020 di laman Facebook Shuang Hor Energy Hub! Di samping itu, kami juga menambahkan sari kata bahasa Melayu dalam video. Klik pada pautan di bawah ini untuk menonton video dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina!

<https://youtu.be/6sp2rimWbec>



Tokoh Kejayaan



Ogos 2020 >>



 **Zainiazad Bin Yahya**
Norafidah Binte Mohd Shah
Penaja: Syed Tahir Mohd Alhadad

Shuang Hor menyediakan peluang yang cemerlang untuk kami, kami akan mengenang jasa Shuang Hor dan Sistem untuk selama-lamanya.


Oktober 2020 >>



 **Nor Yuliani Binti Mohamed Yunos**
Ismanizam Bin Sapuan
Penaja: Hashlina Binti Rusdi

Alhamdulillah dipertemukan dengan Shuang Hor, sebuah Universiti Kehidupan. Pencapaian hari ini adalah bonus namun yang lebih utama NILAI kesihatan. Terima kasih buat seluruh keluarga, upline & rangkaian. Kita jumpa nanti di puncak kejayaan!



 **Lim Siew Boey**
Tan Kah Hoe
Penaja: Low Ah Lip

Saya ucapkan terima kasih kepada syarikat Shuang Hor kerana Sistem Pendidikan cemerlangnya telah memperbaiki permulaan kehidupan saya. Dalam suasana pandemik yang belum reda, terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, upline atas tunjuk ajar, kakitangan Syarikat atas keprihatinan, bantuan dan sumbangan kalian.



 **Chi Ling Chan**
Wong Sie Ann
Penaja: Tang Chen Chen

Terima kasih Shuang Hor kerana menyediakan platform yang hebat, terima kasih pemimpin Double Diamond Lee Song Mei atas bimbingan dan didikan yang berterusan sehingga kami dapat mencapai kejayaan hari ini. Kami akan menjunjung falsafah Syarikat untuk mendidik para rakan dalam pasukan, sama-samalah kita lakukan yang terbaik.



 **Maung Yan Naingoo**
Penaja: Soe Tin Myint

Saya sangat gembira dengan kenaikan pangkat ini. Selepas ini saya akan melipat gandakan usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

Oktober 2020 >>

 **Mustansir A/L Ali Mohamad**
Rehana Binti Faruddin
Penaja: Thet Tin Oo

(Pegedar Special Vice Manager Baharu yang tidak disertakan gambar dan kata perasaan)

Ogos 2020 >>



 **Lee Hup Soon**
Chew Kim Moi
Penaja: Tan Tzu Chun


Terima kasih kepada upline kerana membawa kami ke dalam keluarga besar Shuang Hor, kami akan memperkenalkan produk Lingzhi Shuang Hor yang cemerlang serta Sistemnya yang unik kepada lebih banyak orang yang memerlukan.



 **Yong Mook Ong**
Pang Yong Moi
Penaja: Chan Seow Wei

PKP mendebarkan hati setiap orang, tetapi Shuang Hor telah membantu saya mencipta kemuncak baharu, terima kasih kepada pasukan saya.



 **Tan Siew Nee**
Fong Siew Cheong
Penaja: Lean Chin Peng

Sangat berterima kasih kepada kerjasama upline dan downline, saya berharap kerjasama kita pada masa akan datang akan lebih cemerlang lagi!



Ogos 2020 >>



Voon Fook Yun
Panaja: Augustin Tsen Siew Min

Asalkan kita tabah dan gigih berusaha, tidak menyerah kalah maka kita pasti dapat meraih hasilnya. Terima kasih kepada upline dan downline atas sokongan kalian sehingga membolehkan saya memperoleh kesihatan dan pendapatan yang berterusan!



**Chang Soon Poan
Chang Hon Sui**
Panaja: Chang Chou Bee

Terima kasih kepada syarikat Shuang Hor, Sistem Shuang Hor yang mudah, senang difahami dan mudah dipelajari malah mudah disalin dapat membantu saudara-mara di sekeliling saya menjadi sihat. Terima kasih juga kepada tunjuk ajar upline dan kerjasama daripada ahli pasukan.



**Jennifer Hee Fung Yee
Waheed Ahmed**
Panaja: Felice Ernille

Saya berasa bertuah kerana dapat belajar di bawah bimbingan anda, terima kasih sekali lagi kerana menerima dan mengiktiraf sumbangan saya; harapan saya, semoga kita dapat terus bekerjasama.



**Mohamad Shahril Bin Noorafudin
Noor Ayu Binti Ahmad**
Panaja: Mohamad Azhar Bin Noorafudin

Lebih ramai kita bantu, lebih besar peluang untuk kita berjaya. Semoga kita lebih maju berbekalkan bimbingan upline + komitmen diri + platform Shuang Hor.

September 2020 >>



**Khaw Sew Lan
Lim Aik Siong**
Panaja: Khaw Yoke Fong

Syukur kerana dapat menemui Shuang Hor, terima kasih atas bantuan upline dan kerjasama daripada downline.



**Juliana Baragus
Bedin Balang**
Panaja: Hermes Amir

Alhamdulillah, syukur kepada Tuhan! Terima kasih Shuang Hor, Pasangan Gold Diamond Hermes & Mariani, upline kepada upline serta downline sekalian, andalah tonggak kejayaan kami pada hari ini! Kami bersyukur atas peluang dan tanggungjawab sepanjang kami melalui perjalanan ini.



**Fadrul Hisyam Bin Zainal
Rozinah Binti Ismail**
Panaja: Mohd Norazam Bin Mohd Tap

Terima kasih kepada upline saya Tuan Eddy dan juga Shuang Hor kerana memberi peluang menjana income unlimited dalam bisnes kopi Ceo ini.



Maung Yan Naingoo
Panaja: Soe Tin Myint

Saya sangat gembira dengan kenaikan pangkat ini. Selepas ini saya akan melipat gandakan usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.



**Suhana Bt Husin
Kamal Bin Baharom**
Panaja: Zarina Binti Husin

Syukur kepada Allah kerana dipertemukan dengan SH. Terima kasih upline yang tidak pernah jemu memberi semangat. Semoga semua downline kami akan berjaya bersama dalam mencari wang, masa dan kesihatan.



**Ma Chu Yin
Thien Soo Yin @ Khung Heng Yin**
Panaja: Liaw Nyuk Yin

Terima kasih Shuang Hor, terima kasih upline dan downline atas sokongan dan tunjuk ajar, memperkenalkan Pelan Pemasaran Kopi yang hebat serta produk kesihatan cemerlang kepada kawan-kawan di sekeliling, terima kasih semua!

Oktober 2020 >>

Syakira Aina Binti Wan Bukhari
Panaja: Norhana Abd Jabbar

Pembelajaran & perubahan hidup secara berterusan. Melalui ilmu: PENYEMBUHAN SEMULAJADI. SIHAT dengan selamat. Tanpa berasaskan kimia & tidak invasif.

Ng Chun Tack
Panaja: Lim Hui Yik

Terima kasih Shuang Hor dan rangkaian saya serta upline dan downline atas usaha dan sokongan. Syukur kerana dapat menyertai perniagaan ini, membantu orang lain memperoleh kesihatan dan impian!

Ogos 2020 >>

**Lim Hui Yik
Lee Chung Haw**
Panaja: Wong Boon Hui

Chua Bee Eng
Panaja: Lai Tian Loong

September 2020 >>

**Mohamed Haris Bin Abd Majid
Jasmina Farween**
Panaja: Mohamed Iqbal Bin Kp
Mohamed Ghani

Oktober 2020 >>

**Mustansir A/L Ali Mohamad
Rehana Binti Faruddin**
Panaja: Thet Tin Oo

Oktober 2020 >>

Ros Amini Ramli
Panaja: Norlailani Bt Mohd Nawi

**Norhana Bt Mohd Zin
Prof Dr Aziz Alsafi B Ismail**
Panaja: Ros Amini Ramli

**Hamidah Binti Faruddin @ Fakruddin
Khuzema Bin Abbas Bhay**
Panaja: Mustansir A/L Ali Mohamad

(Pengedar Senior Vice Manager Baharu yang tidak disertakan gambar dan kata perasaan)



**Liang Soon Ek
Tee Chai Yin**
Penaja: Liang Soon Poh

Terima kasih kepada upline kakak saya dan Diamond Lee Yueh Chiau atas tunjuk ajar anda berdua, terima kasih juga kepada syarikat Shuang Hor yang menyediakan begitu banyak produk yang cemerlang.



Chew Yong Kai
Penaja: Ng Boon Teng

Terima kasih kepada Pelan Pemasaran Kopi 111, sekarang setiap orang boleh mencapai kejayaan.



**Hjh Norhayati Bte Daud
Hj Sarpudin Bin Muda**
Penaja: Asmah Binti Mohd Nasir

Melaksanakan tanggungjawab demi mengejar kehidupan yang sihat dan semangat sedia berkorban ialah daya penggerak yang terbaik. Oleh yang demikian, menggunakan produk Shuang Hor secara berterusan ialah pilihan yang bijak.



Ghazali Bin Ab Rahman
Penaja: Norlailani Bt Mohd Nawi

Terima kasih kepada syarikat SH, tidak lupa kepada anaknda TD Dr Solha yang banyak mengambil cakna dan nasihat,serta rangkaian SH Kelantan. Alhamdulillah.



**Ban Chee Wai
Wong Yen Nei**
Penaja: Ng Yik Fui @ Goh Yik Fui

Terima kasih Shuang Hor, dalam kita menghadapi serangan pandemik yang dahsyat, Pelan Pemasaran Kopi 111 telah berjaya mengangkat kami ke status Vice Manager. Terima kasih kepada upline saya atas bimbingan dan bantuan yang diberikan.



**Veronica Gom Amin
Nicholas Vitalis Alliu**
Penaja: Margret Binti Iben @ Eben

Shalom terima kasih kepada upline Mr. Bruce Goh, Mr. Charles Boisin & Isteri, Ms. Gan & Margrit Ebin & suami atas sokongan padu, dan semua rangkaian saya. Moga kejayaan ini dapat dikongsikan bersama. GBU



**Sow Yit Hing
Lee Guat Teng**
Penaja: Lok Kam Fou

Terima kasih upline kerana membantu saya mencapai kejayaan ini, terima kasih juga diucapkan kepada Pelan Pemasaran Kopi 111.



Lee Song Lang
Penaja: Voon Kueh Lee Ling

Terima kasih upline kerana membawa saya menyertai Shuang Hor, membolehkan saya mengenali Pelan Pemasaran Kopi 111. Terima kasih Shuang Hor kerana menyediakan platform yang begitu hebat, membolehkan saya membina pasukan kopi saya sendiri, minum kopi setiap bulan sambil menerima bonus, semakin diminum semakin sihat.



**Law Lik Chyn
Pun Tien Poh**
Penaja: Ho Bek Hiong

